



PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan berikut:

1. Jawatan dan Kekosongan

Nama Jawatan	:	PEGAWAI UNDANG-UNDANG
Kekosongan	:	1 Kekosongan
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perundangan dan Kehakiman
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Gred	:	L41
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Kementerian/Jabatan	:	Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred L41 : RM2,418.00); atau
 - d) lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination)
(Gaji Permulaan pada Gred L41 : RM2,418.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

3. Telah diterima masuk sebagai Peguam bela dan Peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaya;
4. Berpengalaman dalam bidang perundangan tanah dan kontrak; dan
5. Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun pada tarikh tutup iklan dalam mengendalikan kes-kes sivil di mahkamah dan memberikan khidmat nasihat perundangan.

PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah mengemukakan resume bergambar yang lengkap, salinan kad pengenalan, salinan sijil akademik/kemahiran dan transkrip akademik yang diakui sah seperti mana syarat-syarat yang ditetapkan. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri Melaka
Bahagian Pengurusan Sumber Manuasia
Aras 1, Blok Bentara
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, MELAKA
(u.p Seksyen Pembangunan Organisasi)**

2. Tarikh tutup permohonan ialah pada **25 Ogos 2017 (Jumaat)**.
3. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan jawatan , hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
4. Permohonan yang berikut akan akan ditolak:
 - i. Resume yang tidak lengkap;
 - ii. Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - iv. Tidak ditandatangani dan tiada pengesahan dokumen-dokumen yang diperlukan.